

**BAB KEDUA**

BAB KEDUA  
LANDASAN TEORI

A. Pendahuluan.

Dalam bab ini, penulis akan memperkatakan tentang teori yang dijedikan landasan kepada rumusan-rumusan yang dianalisa oleh penulis berdasarkan hasil penyelidikannya. Teori yang dimaksudkan ialah teori berda'wah.

Justeru itu penulis akan memperkatakan tentang beberapa aspek Islam mengenainya secara ringkas sebagaiimana yang terdapat dalam Islam merangkumi pengertian, kepentingan da'wah Islamiah, hukum berda'wah, isi-isi da'wah dan akhirnya metod-metod da'wah.

B. Pengertian Da'wah Islamiah.

Pengertian da'wah Islamiah dapat ditinjau dari dua sudut ia-itu dari sudut bahasa dan istilah. Bentuk perkataan tersebut dalam Bahasa Arab disebut لَهُ sedang dalam bentuk kata kerjanya لَهُ ia-itu لَهُ دُعْوَةٌ yang bererti seru, ejak atau panggil.<sup>1</sup>

Pengarang Kamus Al-Muhit mendefinisikan perkataan da'wah yang diambil dari لَهُ ia-itu seruan untuk cintakan Allah atau ia bermaksud

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Al-Munjid. Fi Al-Lughah wal Alam, Dar Al Alam, Bei  
Kit., 1975, hal. 216.

panggilan contohnya Nabi Muhammad s.a.w sebagai da<sup>o</sup>i Allah, digunakan juga kepada 'muazzin' atau penanggil, diambil dari kata-kata orang Arab kepada jeritan kuda dalam perang. Ia juga boleh dikaukan seperti ajakan untuk makan.<sup>1</sup>

Da<sup>o</sup>wah dengan erti seperti ini dapat dilihat dalam ayat Al-Qur'an firman Allah s.w.t :

فَالرَّبِّ الْسَّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الْمَوْتِ إِلَيْهِ

'Yusof berkata: "Wahai tuhanku, penjara adalah lebih aku suka daripada memenuhi ajakan mereka kepada ku."

Dan firman dia lagi:

وَاللَّهُ يَدْعُونَ إِلَى نَارِ السَّلَمِ

'Allah menyeru (manusia) ke Darussalam (syurga).<sup>3</sup>

Di dalam ulassen yang terdapat dalam Lisanul Arab, antara lain da<sup>o</sup>wah itu ialah 'kalimah syahadah'. Penafsiran ini adalah diutarakan kepada surat yang diutuskan oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada Musa sebagaimana juga seruan yang dibuat terhadap perwira-perwira agama kafir yang lain.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ma'quddin Muhammad Ibn. Ya'qut Al-Fairuzzabadi, Al-Kamus Al-Majlis, Juzu' 1, Mesir, Cetakan kedua 1952, hal. 215

<sup>2</sup> Surah Yusof, ayat 33

<sup>3</sup> Surah Yunus, ayat 25

<sup>4</sup> Jamalluddin Muhammad Bin Mukram Al-Anzari, Ibni Mansur Al Arifi Al Misri, Lisanul Arab, Juzu' 8, Dar Al Misriyah, Mesir, hal. 283

Dari segi istilah pula, menurut apa yang tercatat di dalam Encyclopedia of Islam, "da'wah mengikut pandangan agama ialah ejekan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan para Rasulnya supaya percaya dan yakin kepada agama sebenarnya iaitu agama Islam".

Tiap-tiap Rasul ada da'wahnya yang tersendiri. Risalah Muhammad adalah lanjutan dari da'wah resul-resul sebelumnya<sup>1</sup>. Perkataan da'wah ini juga kadangkala digunakan sebagai propaganda bagi Nabi-nabi palsu.

Sheikh Ali Makhfuz dalam kitabnya جَرْبَةِ إِيمَانِي<sup>2</sup> menyatakan bahwa da'wah ialah "mendorong manusia agar memperbuat kebaikan dan menurut petunjuk, juga menggesa mereka melakukan perkara مُرْفَعٍ dan mencegah dari perkara yang mungkar supaya mereka mendapat kebahagian di dunia dan di akhirat".

Menurut Al Ustaz Adam Abdullah da'wah ialah "menyeru manusia dan aqal mereka kepada kepercayaan yang berfaedah ataupun komunalahan yang membawa faedah dan juga bermaksud menyeru manusia untuk menyelamatkan manusia dari kesesatan dan musibah yang akan menimpak mereka".<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> M. Canard, Da'wah, Encyclopaedia of Islam, Vol 2, Leiden 1965, hal. 168.

<sup>2</sup> Sheikh Ali Makhfuz, Hidayatul Mursyidiin Ila Turjul Wa'zi, Mal Khitabah, Darul Mesri, Qaherah, Cetakan ketujuh 1975, hal. 18

<sup>3</sup> Adam Abdullah Al Aluri, Tarikh Ad Da'wah Ilallah Ba'al Jami, Wal Yaumi, Maktabah Wahbah, Qaherah, Cetakan kedua 1979, hal. 17.

Manakala pengertian Islam pula diambil dari perkataan Arab  
الإسلام. Dari sudut bahasa Islam ialah tunduk dan patuh. Ini ber-  
mantan dengan firman Allah s.w.t :

أَفَلَمْ يَرَوْا مَا فِي السَّمَاوَاتِ  
وَالْأَرْضِ طُوعًا وَكَرْهًا وَإِنَّمَا يُرْجِعُونَ  
AT

"Maka apakah mereka mencari agama yang lain  
dari agama Allah, padahal kepadaNya lah me-  
nyerahkan diri segala apa yang di langit  
dan di bumi, baik dengan suka maupun terpak-  
sa dan hanya kepada Allahlah mereka diken-  
balikan."

Islam disegi istilah pula ialah pengajaran-pengajaran yang  
diwahyukan oleh Allah s.w.t ke atas Nabi Muhammad s.a.w iniitu seruan  
kepada mengasakan Allah dan tunduk kepada undang-undangNya dan patuh  
kepada azas yang umum yang dibawa oleh Nabi-nabi sebelumnya.<sup>2</sup> Mana-  
kala Islamiah pula ialah sesuatu yang berunsurkan Islam.

Rangkaian kata dari perkataan <sup>c</sup>wah Islamiah akan membawa  
pengertian yang khusus pula. Setelah diteliti dalam beberapa buah by  
ku, penulis ingin memetik beberapa definisi antara lain ialah pe-  
ngertian yang dibuat oleh Ibnu Taimiyah di mana beliau mendefinisikan  
<sup>c</sup>wah Islamiah ialah "satu usaha seruan ke arah beriman kepada Allah

---

<sup>1</sup> Surah Al Imran, ayat 83.

<sup>2</sup> Syed Sabiq, Dawatul Islam, Darul Fikri, Beirut, 1978 .

dan apa yang disampaikan oleh Rasul-rasulnya iaitu dengan memberitahukan segala perkara yang disampaikan oleh Rasul-rasulnya iaitu dengan mentaati perintah mereka."<sup>1</sup>

Di dalam buku Ilmu Da'wah pengertian da'wah Islamiah ialah "mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sejua dengan perintah Tuhan , untuk kemalahan dan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat".<sup>2</sup>

Manakala menurut A. Hasjmy pula da'wah Islamiah ialah "mengajak orang lain untuk menyakini dan mengamal aqidah dan syari'ah Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamalkan oleh pendawa'wah itu sendiri".<sup>3</sup>

---

Drs. Hamzah Ya'qub pula menyatakan da'wah Islamiah ialah "mengajak umat manusia dengan hilmat kebijaksanaan untuk petunjuk Allah dan RasulNya".<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Abu Urvah, Risalah Umarah, Jilid 1, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, Cetakan pertama 1986, hal. 150.

<sup>2</sup> Prof. Taha Jahya Omar, Ilmu Da'wah, Penerbit Widjaja, Jakarta, 1967, hal. 1

<sup>3</sup> A. Hasjmy, Dusbur Da'wah menurut Al Quran, Penerbit Bulan Bintang , Jakarta, Cetakan pertama, 1974, hal. 28.

<sup>4</sup> Drs. Hamzah Ya'qub, Publisistik Islam.Seni dan Teknik Da'wah, Penerbit C.V Diponogoro, Bandung, 1973, hal. 48.

Dari sini dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa  $\text{berda}^{\circ}\text{wah}$  Islamiah sasarananya adalah meliputi seluruh umat manusia untuk melaksanakan ajaran Islam yang Maha Suci ini. Dengan itu dapatlah kita ketahui bahawa  $\text{berda}^{\circ}\text{wah}$  Islamiah ialah "seruan mengajak manusia yang belum Islam kepada Islam serta mempraktikkannya dan juga kepada mereka yang sudah Islam supaya memahami dan mempraktikkan Islam dalam hidup mereka. Ini adalah beresudian dengan firman Allah s.w.t :

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَفَافَةً لِّلنَّاسِ بِشَيْرًا وَنَذِيرًا  
وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

"Dan tiadalah Kami mengutusmu (Nabi Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul membawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya".

Pengertian yang dibuat di atas adalah bertepatan dengan kehadiran ajaran Islam sendiri, di mana Allah s.w.t telah mengamanatkan kepada Nabi Muhammad s.a.w dan pengikut-pengikutnya supaya berda<sup>°</sup>wah ke jalan-Nya.

#### C. Kepentingan berda<sup>°</sup>wah.

Terdapat banyak ayat-ayat suci Al Quran dan Hadis Nabawiyah yang menerangkan terhadap perintah untuk berda<sup>°</sup>wah dan di antaranya

---

<sup>1</sup> Surah Sab'at, ayat 28.

أَنْتُمْ خَيْرُ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمِنُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِآتِيَّةِ وَلَوْمَاتِكُمْ  
أَهْلُ الْكِتَابِ لَكُمْ خَيْرٌ أَهْمُمُهُمُ الْمُؤْمِنُونَ  
وَأَنْتُمْ هُمُ الظَّاهِرُونَ



"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilihirkkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melaung daripada segala perkara yang salah(buruk dan keji) sorts .kamu pula beriman kepada Allah(dengan sebenar-benar iman) Dan kalaulah ahli kible itu beriman tentulah menjadi baik bagi mereka. Tetapi di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakannya mereka orang-orang yang fasik".

Rasulullah s.a.w juga telah berpesan supaya meneruskan tugas

anda<sup>c</sup> wah dalam sebuah hadisnya:

وَالَّذِي نَفْسِي بِهِدْيَتِكُمْ لَتَأْمِنُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَلَتَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلَمْ يُمْكِنْ  
اللَّهُ أَنْ يَهْبِطْ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مَّدْدُودًا فَلَا يَسْتَحْيِبُ لَكُمْ

Ertinya:

"Demi Tuhan yang diriku di dalam kekuasaanNya hendaklah kamu menyeru kepada perkara yang baik dan menegah dari yang jahat atau takut kanlah kepada Allah yang berkusa menurunkan azab siksa ke atas kamu ,yang mana pada waktu itu kamu berdoa kepadaNya untuk diselamatkan, sedangkan dia kamu itu tidak diprkenan kanNya lagi".

A) Quran juga menetapkan bahwa da<sup>c</sup>wah itu adalah sifat setiap

<sup>1</sup> Surah Al Imran , ayat 110.

<sup>2</sup> Imam Al Hafiz Abi Ali Mohammad Abdul Rahman, Syarah Jami' tir  
Jilid 6, Darul Fikri,Qaherah, Cetakan keenam 1979, hal.390.

orang yang beriman, bahkan sebaliknya orang-orang yang munafiq selalu berusaha menghalangi-halangi agama Allah dan menyeru selain dari Islam Allah.<sup>1</sup> Bukti ini dijelaskan dengan firman-Nya:

الْمُتَفَقِّنُونَ وَالْمُتَفَقِّنُ بِعِضِهِمْ مِنْ بَعْضٍ يَا مُرُونَ بِالْشَّكَرِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْعِضُونَ أَبْدِيلَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ  
إِنَّ الْمُتَفَقِّبَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٦﴾

Ertinya:

Orang-orang munafiq lelaki dan perempuan setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain, mereka masing-masing menyuruh dengan pertubatan yang jahat, dan melerang dari pertubatan yang baik, dan mereka pula bikhil. Mereka tidak menghiraukan perintah Allah dan Allah pula mewajibkan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafiq itu, mereka lah orang-orang yang fasiq.

Dan firman-Nya lagi :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَزْلَيَاهُمْ بَعْضٍ يَا مُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْشَّكَرِ وَيَقْعِضُونَ الصَّلَاةَ وَيَنْهَوْنَ أَلْزَكَوْنَةَ  
وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْ لِهِنَّ سَيِّرَ حَمْهُمْ أَلَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Ertinya:

Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melerang dari berbuat kejahatan, dan mereka

<sup>1</sup> Abdul Karim Zaidan, Dasar-dasar Ilmu Da'wah (2), Ter:H.M Asy-Syukur Ic, Pustaka Al Ameen, Kuala Lumpur, 1984, hal. 4

<sup>2</sup> Surah At Taubah, ayat 67.

mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta tawaf kepada Allah dan RasulNya . Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah sesungguhnya Allah Maha Kusus lagi Maha Bijaksana.

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menjedikan  $\text{ma}^{\text{c}}\text{ruf}$  nahi mungkar adalah sebagai pembeda antara golongan orang yang beriman dan golongan orang yang munafiq. Dan orang-orang yang beriman selalu menyuruh berbuat yang  $\text{ma}^{\text{c}}\text{ruf}$ , dan puncaknya ialah menyuruh manusia ke jalan agama Allah s.w.t.<sup>2</sup>

Tugas dan tanggungjawab berda'wah ini tidak boleh diabaikan sekalipun sekiranya tugas dan tanggungjawab ini diabaikan maka Allah akan menimpakan azab ini bukan sahaja ke atas mereka yang melakukan  $\text{ma}^{\text{c}}\text{sint}$  bahkan musibah ini akan terkena ke atas orang yang beriman juga. Kemuliaan yang diberikan oleh Allah s.w.t ini bukanlah suatu yang percuma malah mestilah disertakan dengan pelaksanaan amanah menyuruh kepada kebaikan dan melerang dari kejehatan. Allah telah mengakhlakkan di dalam Al Quran tentang azab ini iaitu firmanNya:

وَأَتْقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْ كُمْ خَاصَّةٌ  
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَرِيدُ الْوَقَابِ

Ertinya:

Dan jagalah diri kamu daripada dosa yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus tetapi

<sup>1</sup> Surah At Taubah, ayat 71.

<sup>2</sup> Abi Abdillah Muhammad Bin Ahmad Al Ansari, Al Jami Li Ahl Juzu' 4, Darul Kitab Al Arabi, Beirut, Cetakan ketiga,

mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta tawat kepada Allah dan RasulNya . Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa Allah s.w.t telah menjadikan <sup>ma</sup>ruf mahu mungkar adalah sebagai pembeda antara golongan orang yang beriman dan golongan orang yang munafiq. Dan orang-orang yang beriman selalu menyuruh berbuat yang <sup>ma</sup>ruf, dan puncaiknya ialah mewajuh manusia ke jalan agama Allah s.w.t.<sup>2</sup>

Tugas dan tanggungjawab berda<sup>wa</sup>h ini tidak boleh diabaikan se sekali. Dan sekiranya tugas dan tanggungjawab ini diabaikan maka Allah akan menimpa azab ini bukan sahaja ke atas mereka yang melukukan <sup>ma</sup>siat bahkan musibah ini akan terkena ke atas orang yang beriman juga. Kemulian yang diberikan oleh Allah s.w.t ini bukanlah suatu yang percuma malah mestilah disertakan dengan pelaksanaan amanah wajib kepada kebaikan dan melerang dari kejahanatan. Allah telah mengakinkan di dalam Al Quran tentang azab ini iaitu firmanNya:

وَأَتْقُواْفَتْنَاهُ لِأَنْصَبَنَا الَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنْكُمْ خَاصَّةً  
وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَرِيدُ الْعِقَابِ

Ertinya:

Den jagalah diri kamu daripada dosa yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus tetapi

<sup>1</sup> Surah At Taubah, ayat 71.

<sup>2</sup> Abi Abdillah Muhammad Bin Ahmad Al Ansari, Al Jami<sup>c</sup> Li Ah - Al Quran, Juzu' 4, Darul Kitab Al Arabi, Beirut, Cetakan ketiga , hal. 47.

akan menimpamu secara umum. Dan ketahuilah Allah Maha berat azab sekalmya."

#### D. Hukum berda'wah.

Para ulama' berbeza pendapat dalam mengemukakan hukum berda'wah ini, tetapi mereka menggunakan dalil-dalil Al-Quran yang sama cuma pentafsirannya sahaja berbeza. Mereka menggunakan ayat Al Quran iaitu firman Allah :

وَلَا تَكُنْ مِّنْ أُولَئِنَّا يُدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَرْوُفِ  
وَنَهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Ertinya:

Dan hendaklah di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh bertaubat segala yang baik serta malarang segala yang keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Di sana ada dua pendapat ulama' dalam mentafsirkan kalimah من  
dalam ayat di atas. Pendapat pertama menyatakan kalimah من di dalam ayat di atas bermaksud بعيسى ataupun sebahagian. Pendapat pertama ini adalah terdiri Qurtubi, Abu Sa'ud, Imam Nawawi dan Imam Ghazali.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Surah Al Anfal, ayat 25.

<sup>2</sup> Surah Al Imran, ayat 104.

<sup>3</sup> Syed Abdul Rahman Syed Hussin, Disertasi Sarjana, Sifat Ad-Da'i fi Da'i Surah Al Muzammil, 1983, hal. 110.

Qurtubi mengemukakan pendapatnya dengan menyatakan ayat ini menunjukkan ditujukan kepada segolongan tertentu iaitu para ulama'lah yang wajib menuaikan tanggungjawab amar <sup>ma</sup><sup>c</sup> ruf nahi mungkar ini.<sup>1</sup>

Manakala Imam Nawawi pula menyatakan "menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran ini merupakan fardu Kifayah iaitu sekiranya sebahagian umat Islam telah melaksanakannya maka terlepaslah dosa yang lainnya tetapi sekiranya tidak ada yang melaksanakan tugas ini, maka semua orang akan berdosa."<sup>2</sup>

Manakala pendapat kedua pula berpendapat kalimah من di dalam ayat di atas membawa maksud نبیین atau keseluruhan. Golongan kedua ini adalah terdiri dari Imam Fakhrur Razi, Ibnu Kathir dan Sheikh Abdul Aziz Bin Abdullah.<sup>3</sup>

Imam Fakhrur Razi membawa dalil-dengan menyatakan bahawa Allah tidak akan mempertanggungjawabkan ke atas umat Islam untuk melaksanakan kedua-dua tugas amar <sup>ma</sup><sup>c</sup> ruf nahi mungkar ini melainkan dengan apa yang terdaya sama ada dengan tangan atau lidah ataupun dengan hati. Beliau juga berpendapat bahawa Allah telah mewajitkan tu

---

<sup>1</sup> Abi Atdillah Muhammad Bin Ahmad Al Ansari Al Qurtubi, op. cit., hal. 105.

<sup>2</sup> Al Imam Al Hafiz Abu Zakaria Yahya Ibni Syaraf, Sahih Muslim Syarah Nawawi, juga' 2, Darul Fikr, Beirut, 1981, hal. 23

<sup>3</sup> Syed Abdul Rahman Syed Hussin, op. cit.

gas menyeru kepada ma<sup>c</sup>ruf dan mencegah kemungkaran ini ke atas seluruh umat manusia iaitu berdasarkan firman Allah dalam surah Al Imran ayat 105.<sup>1</sup>

Ibn Kathir pula menyatakan bahawa makna dari ayat ini ialah hendaklah ada satu golongan dari umat ini yang akan menjunjung perintah ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w;<sup>2</sup>

من رأى منك منكراً فلينبهه ببيده، فان لم يستطع  
فليسأله فان لم يستطع فليقلبه، ذلك أضعف الإيمان.

Ertinya:

"Barangsiape di antara kamu melihat perkara mungkar, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya, sekiranya ia tidak berkusa—sa maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya, sekiranya ia tidak berkusa dengan hatinya dan itu adalah selemah-lemah iman".<sup>3</sup>

Apapun pentafsiran ataupun hukum yang dikemukakan oleh ulama' yang mu<sup>c</sup>tabar itu, namun kita hendaklah sentiasa seder bahawa usaha menjalankan da<sup>c</sup>wah itu adalah satu perkara yang sangat-sangat dituntut oleh Islam dan menjadi satu tanggungjawab yang mesti dipikul mengikut kemampuan setiap individu itu.

---

<sup>1</sup> Fakhrur Razi, Tafsir Al Kabir Lil Imam Al Fakhrur Razi, Juz Kelapan, Darul Kutub Al Ilmiah, Tehran, Cetakan kesebelas, t.z, hal. 166

<sup>2</sup> Ismail Ibn Kathir, Tafsir Al Quran Al Azim, Juz 1, Maktabah Zahra, t.t, hal. 390.

<sup>3</sup> Imam Abu Husin Muslim Bin Hajjaz Al Qusyairy An Naisabury, Sahih Muslim, Juz 1, Darul Fikr, Beirut, Cetakan kedua 1978, hal. 69

## E. Isi da'wah Islamiah.

Sebelum da'wah Islamiah dihadapkan kepada seseorangnya, isi da'wah itu sendiri mestilah jelas dan tepat dengan kehendak-kehendakajaran Islam. Islam adalah agama yang diakui sah oleh Allah s.w.t untuk menjadi anutan dan ikutan seluruh umat manusia yang sanggup menjamin kebahagiaan dan keselamatan manusia di dunia dan diakhirat. Semua ajaran Islam moliputi segenap aspek kehidupan manusia, baik yang berhubung dengan masalah kehidupan dunia, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan alam akhirat. Semua isi da'wah ini adalah bersumberkan Al Quran dan As Sunnah. Selain itu ijma<sup>c</sup> ulama' dan qias juga menjadi sumber isi da'wah.<sup>1</sup>

Pada pokoknya Islam itu merangkumi hukum-hukum yang berkaitan dengan aqidah, syariat dan akhlaq. Ajaran-ajaran Islam dan sebagian hukum-hukum inilah yang menjadi isi dalam da'wah Islamiah. Kalau diteliti keseluruhannya ajaran Islam yang dikira sebagai isi da'wah Islamiah, maka skopnya amat luas sekali. Prinsip-prinsip esas ini pula adalah berpuncak dari esas pokoknya iaitu Al Quran dan Al Hadis serta juga Al Ijma<sup>c</sup> dan Al Qias. Selain dari itu ianya juga berdasarkan asas-asas yang tidak diajaskan seperti Al Istihsan dan Al Mafidah Mursaloh.<sup>2</sup>

---

1 \_\_\_\_\_, Da'wah Julai 1969, Penerbitan Yayasan Da'wah Islamiah, Kuala Lumpur, hal. 40.

2 Muhammad Salam Madkhur, Al Madkhali'l Fiqh Al Islami Tarihi Wa Mengdirihi Wa Nazariyyatihi Al amal, Dar An Naddah Al Arabi ah, Uthrarah, Cetakan kedua 1963, hal. 10

Muhammad Salam Madkhur dalam menyatakan prinsip-prinsip esas perundangan Islam telah menyebut sebanyak 12 prinsip esas termasuk - antara prinsip esas tentang tauhid, perhubungan secara langsung antara jinnya dengan Tuhan-Nya, ukuran agal fikiran dalam perundangan Islam yang berdasarkan pula kepada ilmu pengetahuan, esas-esas akhlak yang diharapkan dan ideal, bebanan syara<sup>c</sup> semata-mata untuk mengawal kebaikan dan kesucian ruh, adanya timbal balik antara ugama dan dunia di dalam perundangan, hak-hak persamaan dan keadilan terhadap semua umat manusia, menyuruh membuat kebaikan dan malarang mungkar iaitu prinsip Al-Hisbah, permasukan dalam membuat keputusan, berdiplo-  
masi dalam keadaan mulia dan terhormat, kemerdekaan perseorangan yang tidak melibatkan kemaslahatan umum dan akhir sekali esas-esas jaminan demokrasi.<sup>1</sup>

Prinsip-prinsip esas inilah yang semestinya dijelaskan kepada masyarakat semasa menyampaikan isi da'wah Islamiah. Fahaman dan penjelasan yang berdasarkan kepada pengajaran Islam.. Inilah yang semestinya dihayati di dalam masyarakat Islam. Jadi tugas Da'wah Islamiah adalah untuk menarik minat masyarakat supaya memahami dan menerimanya serta menghayatkannya dalam kehidupan mereka.

Mahmud Syaltut pula telah meletakkan 14 prinsip esas Islam demi untuk mencapai cita-cita munirye yang tinggi. Prinsip esas yang unut lagil hari ini antara lain termasuklah kebebasan perseora-

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 20.

ngun iaitu dari segi aqidah, <sup>c</sup>badat, <sup>c</sup>ilmu pengetahuan yang boleh sang  
ai kepada hakikat kebesaran Allah s.w.t juga memberi kemudahan kepada  
manusia, harta benda yang halal, kehormatan, kesihatan sejati fiki-  
ran, tubuh badan, jiwa dan perseorangan dalam bentuk kemasyarakatan.  
Iaitu kekuatan, persamaan, perundangan, pembinaan masyarakat, akhlak  
dan hukum serta punca-punca perundangan.<sup>1</sup>

Demikianlah antara isi-isi da<sup>c</sup>wah yang hendak disampaikan kepada  
masyarakat sama ada masyarakat Islam sendiri ataupun masyarakat  
yang belum Islam. Kefahaman, penerimaan dan penghayatar. isi da<sup>c</sup>wah  
Islamiah ini di dalam masyarakat boleh menjadinya menuju kejayaan dan  
keharmonian hidup.

#### F. Metod Da<sup>c</sup>wah Islamiah.

Dalam mempertimbangkan tentang metod da<sup>c</sup>wah ini ada dua per-  
kara yang amat penting sekali iaitu tentang saluren berda<sup>c</sup>wah (media  
da<sup>c</sup>wah) dan cara menyampaikan da<sup>c</sup>wah itu sendiri.

Media adalah suatu alat yang sangat penting lagi efektif da-  
lam usaha menyampaikan da<sup>c</sup>wah kepada masyarakat. Untuk itu dalam per-  
kembangan ilmu pengetahuan yang pesat ini. Media da<sup>c</sup>wah dapat diguna-  
kan seperti berikut :-

<sup>1</sup> Mahmud Syaltut, Min Tazkiyatul Islam, Dar Al Qalam, Qaherah,  
Cetakan ketiga 1966, hal. 66.

1. Media Lisan. Dengan menggunakan media ini, sesuatu isi <sup>c</sup>wah dapat disampaikan secara langsung kepada masyarakat, media 'face to face' adalah merupakan suatu cara terbaik dan telah digunakan dari dulu hingga masa kini. Contohnya seperti mengadakan diskusi, seminar, khutbah dan sebagainya.

2. Media tulisan dan lisan. Dalam kemajuan ilmu pengetahuan yang berbeza moden ini, media tulisan dan lisan sangat mendominasikan penyiaran Dinul Islam keseluruh alam sejagat. Masa kini kita dapat menyebarkan sesuatu berita dengan baik, tepat dan cepat. Di samping mengimatkan waktu dan tenaga, ianya juga dapat bertahan lama. Contohnya seperti buku-buku, surat khabar, majalah dan sebagainya.

3. Media audio visual ialah suatu alat yang berfungsi dengan baik dan berkesan sekali kerana dapat diterima oleh pancha indera mata dan telinga manusia. Sekiranya media ini dipergunakan sepenuhnya serta memanfaatkan sebaiknya, keberhasilan pasti wujud. Seterusnya pembangunan pada diri manusia akan menjadi dari masa ke semasa.

4. Dasar etika dan uswatan hasanah. Selain dari kita menyampaikan da <sup>c</sup>wah Islamiah kepada masyarakat melalui media lisan, tulisan dan audio visual, budi pekerti atau tingkah laku yang baik mendominasi keberhasilan dalam usaha-usaha da <sup>c</sup>wah kita kerana akhlak yang mulia itu merupakan suatu cermin keperibadian penda <sup>c</sup>wah terhadap masyarakat. Akhlak yang mulia adalah merupakan tanda dan hasil dari iman yang sebenar. Tidak ada nilai bagi iman yang tidak disertai dengan amalkan. Kerana akhlak dalam Islam merupakan intipati bagi cibadah orang. Di samping itu juga ianya merupakan satu pembuktian bagi

30

para pendakwah dalam usaha menyampaikan misiinya.<sup>1</sup> Oleh kerana Islam itu Din Fitrah yang sesuai dengan fitrah manusia, maka metodologi untuk mengembangkannya pada manusia mestilah menurut metodologi fitrah. Metodologi fitrah ini ditentukan oleh Allah s.w.t dan diperintahkan kepada Rasulnya Muhammad s.a.w menyebarluaskan dia wah menurut metodologi itu sebagaimana firman-Nya :

أَدْعُ إِلَّا سَبِيلَ رَبِّنِي بِالْحِكْمَةِ وَالرَّيْغَلَةِ الْمُسْتَنِدَةِ وَهَذِهِ لِهُمْ بِالْأَقْرَبُ هِيَ أَحْسَنُ  
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ خَلَقَ عَنْ سَيِّلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ (١١)

ERTINYA:

"Serulah ke jalan Tuhan mu(wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engku serulah itu) dengan cara yang lebih baik, Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya , dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.<sup>2</sup>

Dari ayat di atas jelaslah bahawa Allah telah menentukan tiga metode dalam menyebarluaskan dia wah Islamiah iaitu hikmah, kata nasihat yang baik dan perbincangan yang lebih baik. Tiga metode inilah yang dijalankan oleh Resulullah s.a.w sepanjang hayatnya sebagai Rasul dan metode inilah yang mesti dijalankan oleh semua Pendakwah sehingga bila masa pun.

---

<sup>1</sup> \_\_\_\_\_, Da'wah, op. cit. hal. 41..

<sup>2</sup> Surah An Nahl, ayat 125.

Syekh Muhammed Abdur menyimpulkan dari ayat Al Quran di atas bahwa dalam garis besarnya, umat yang dihadapi seseorang pembawa da'wah dapat dibahagikan kepada tiga golongan yang masing-masingnya harus dihadapi dengan cara-cara yang berbeda pula. Mereka itu ialah :-

1. Ada golongan cerdik pandai yang cinta kebenaran dan dapat berfikir secara kritis dan cepat dapat menangkap arti per soalan. Mereka ini harus dipanggil dengan hikmah ini dengan alasan-alasan dengan dalil-dalil dan hujah yang dapat diterima oleh kekutuhan equal mereka.
2. Ada golongan awam atau orang kebanyakan yang belum dapat berfikir secara kritis dan mendalam dan belum dapat menangkap pengertian yang tinggi-tinggi. Mereka ini dipanggil dengan nasihat yang baik, dengan anjuran dan didikan yang baik-baik dengan ajaran-ajaran yang mudah difahami .
3. Ada golongan yang tingkat kecerdasannya di antara kedua golongan tersebut, belum dapat dicapai dengan hikmah akan tetapi tidak akan sesuai pula bila dilayani seperti golongan awam. Mereka suka membahas sesuatu tetapi hanya dalam batas-batas yang tertentu yang tidak sanggup mendalam benar. Mereka ini disarui dengan cara bertukar fikiran , guna mendorong supaya berfikir secara sihat .<sup>1</sup>

Pengertian hikmah menurut Dr. Muhammed Manzoor Alam ialah su-

---

<sup>1</sup> M. Nasir, Fiqhud Da'wah, Pustaka Nasional Sdn. Bhd. Singapore, Cetakan kedua 1982, hal 159.

atu perkara yang mestilah diletakkan di saat yang sesuai dan di tempat yang sesuai. Hikmah juga menuntut kecerdasan agal fikiran seseorang kampuannya, keadaan sasarnya dan menyebarkan risalah menurut kehendak penyakit masyarakat.<sup>1</sup>

Metod hikmah di dalam berda<sup>c</sup>wah boleh dibahagikan ke dalam bahagian penting iaitu hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat pengwah itu sendiri, hikmah yang berhubung dengan isi kandungan da<sup>c</sup>wah hikmah yang berhubung dengan uslub atau cara berda<sup>c</sup>wah.

Hikmah yang berhubung dengan sifat-sifat penda<sup>c</sup>wah ialah segeri, akhlaq dan peribadi mereka semestinya melambangkan seorang Muslim yang benar-benar seham tentang Islam. Para penda<sup>c</sup>wah hendaklah sentiasa bermuhasabah dengan diri sendiri untuk memastikan sifat-sifat yang disampaikan dan dilakukan sehari-hari adalah benar dan tidak menyelaweng. Mereka tidak seharusnya gentar di dalam menghadapi pertengangan dan ujian ketika berda<sup>c</sup>wah.

Manakala hikmah yang berhubung dengan isi kandungan da<sup>c</sup>wah ialah setiap perkataan yang haq dan tiada percanggahan. Al Quran dan Sunnah hendaklah dijadikan sumber yang pertama di dalam berda<sup>c</sup>wah. Dalil-dalil yang ada di dalamnya dapat meyakinkan orang yang diseru dalam menuju jalan yang direncai oleh Allah s.w.t.

---

<sup>1</sup>Dr. Muhammad Manzoor Alam, The message of Islam and Applica-  
tion of Deen, Hindustan Publications, Delhi, Cetakan Pertama 1984,  
hal. 47.

Al Quran dengan su<sup>c</sup>jizatnya serta hadis Rasulullah s.s.w dapat menjelaskan kepada pend<sup>c</sup>uh tentang keistimewaan agama Islam. Namun di dalam berhadapan dengan orang-orang bukan Islam para pend<sup>c</sup>uh perlu menggunakan dalil-dalil logik aqal supaya pendapat mereka dapat dipatahkan. Mereka yang hanya mengeluarkan fatwa mengikut hawa nafsu dan aqal semata-mata dengan menolak dalil-dalil negal berdasar di sini Allah s.w.t. Daud<sup>c</sup>wah yang seperti ini bukanlah mempunyai matlamat yang suci sebaliknya ia dilakukan hanya untuk kepentingan peribadi.

Hikmah yang berhubung dengan uslub atau cara berda<sup>c</sup>wah atau dalam erti kata lain uslub yang sesuai dan digunakan mengikut susunan ruang dan waktu. Metod yang tidak seimbang dengan jalan da<sup>c</sup>wah dan menyeleweng menyebabkan pend<sup>c</sup>uh kecundang dalam medan da<sup>c</sup>wahnya.

Menyentuh soal-soal metod atau uslub Dr. Ali Jarisyah menerangkan bahawa ada perbezaan di kalangan pemuda dengan golongan tua di segi metodnya. Kaum wanita berbeza dengan kaum lelaki manakala metod ke arah aqidah tidak sama dengan metod ke arah mu<sup>c</sup>amlat. Dan metod ke arah aqidah tidak sama dengan metod ke arah mu<sup>c</sup>amlat. Dan metod berhadap orang-orang yang berilmu berbeza dengan orang-orang yang jalil dan begitulah dengan aspek-aspek lain.

Pemilihan metod yang betul dan tepat adalah penting dan perlu diambil perhatian oleh setiap pend<sup>c</sup>uh. Seseorang pend<sup>c</sup>uh tidak cukup dengan memiliki keilmuan yang tinggi tetapi tidak tahu menggunakan metod atau uslub yang tepat di dalam berda<sup>c</sup>wah.<sup>1</sup>

Cara berda<sup>c</sup>wah yang kedua yang ditekenkan di dalam ayat tadi ialah kata nasihat yang baik untuk menimbulkan rasa jijik dan benci kepada perkara yang buruk dan timbul keazaman untuk meninggalkannya dan menimbulkan kegemaran dan perangsan untuk membuat perkara yang baik.

Perkataan dan cara nasihat itu memberi rasa kepada pendengar bahawa nasihat sebenarnya untuk memberi kebaikan kepada diri mereka sendiri.<sup>1</sup>

Cara berda<sup>c</sup>wah yang ketiga yang digariskan oleh ayat tadi ialah perbincangan dengan cara yang lebih baik. Pertama sekali menentukan tujuan perbincangan ialah supaya menjauhkan sangkaan dan perasaan bahawa penda<sup>c</sup>wah menyerang aqidah yang pendengar sanjung tinggi dan mereka pertahankan bahkan hendaklah penda<sup>c</sup>wah dalam masa perbincangan memberi kesedaran bahawa ia seolah-olahnya seperti dua orang teman yang sama-sama mencari kebenaran dan penda<sup>c</sup>wah itu menghorangi peribadi dan fikiran temannya.

Dalam suasana seperti ini penda<sup>c</sup>wah hidup bersama-sama dengan orang yang dide<sup>c</sup>wahkan di dalam perjuangan fikiran dengan keadaan tering. Pada masa itu tidak timbul perasaan sompong atau hendak pertahankan diri atau imej yang boleh hendak mencari kebenaran.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> Wan Muhammad Wan Muhammad Ali, Pedoman Da<sup>c</sup>wah Islamiyyah, Penerbitan Watan, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama 1980, hal. 45.

Metod da'wah yang tersusun dari tiga perkara tersebut dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya diasaskan dengan Al Basirah sebagaimana Allah s.w.t menyuruh RasulNya memberitahu umatnya dalam firman-Nya :

قُلْ هَذِهِ سَبِيلٌ أَذْعُوا إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي  
وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشَرِّكِينَ  
14

Ertinya:

Katakanlah (wahai Muhammad) "Inilah jalanku aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umatnya kepada agama Allah dengan berdasarkan bukti dan keterangan yang jelas nyata . Dan aku menegaskan : Maha suci Allah (dari segala i'tiqad dan perbuatan syirik), dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain".

'Basirah' yang dimaksudkan di sini ialah menurut Dr. Muhammad Fathullah Badran bermerti "ilmu yang luas, hujah-hujah yang kuat, pemahaman hati, kesedaran , fahaman yang dalam, memelihara hal keadaan orang yang dida'wahkan dan menggunakan kata yang jelas."<sup>2</sup>

Dengan adanya 'basirah' berulah seseorang penda'wah dapat mengamini metod da'wah sebagaimana yang tersebut dalam surah An Nahl ayat 108.

<sup>1</sup> Surah Yusof, ayat 108.

<sup>2</sup> Dr. Muhammad Fathullah Badran, Al Falsafah Al Hadithah fil Wadhiqat Al Qawa'id Minal Quran, Gaherah, Cetakan Pertama 1968, hal. 351.

<sup>3</sup> Dr. Wan Hussein Azmi, Ilmu Da'wah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cetakan Pertama, 1984, hal. 68